



SIARAN AKHBAR

PRESS STATEMENT

S.A. 2018/02/06 (HQ)

LJK8 MENYINARI JOHOR

Hampir 60,000 orang penduduk dari 16 buah kampung di Muar kini boleh bergerak pada waktu malam dengan lebih selesa dan selamat apabila kawasan yang dahulunya gelap kini terang disinari cahaya lampu.

Di Parlimen Muar, bermula 5 Ogos 2017 hingga Disember 2017, sebanyak 183 lampu jalan kampung telah dipasang di bawah Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung Fasa 8 (LJK8) Peringkat Negeri Johor.

Ia merupakan sebahagian daripada program pemasangan 13,582 unit lampu di 1,566 buah kampung di Johor menerusi peruntukan RM8.33 juta oleh kerajaan menerusi Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak merasmikan Majlis Penyerahan Program Pemasangan Lampu Jalan Kampung Fasa 8 (LJK8) di Padang Awam Bukit Mor, Muar, di sini, hari ini.

Projek LJK ini mula dilaksanakan pada tahun 2003 di bawah program Bekalan Elektrik Luar Bandar, di bawah seliaan KKLW dengan peruntukan Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE).

TNB selaku agensi pelaksana telah berjaya memasang sebanyak 333,781 unit lampu berjaya dipasang di 11,898 buah kampung di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Dengan itu, TNB telah berjaya memainkan peranannya dalam merealisasikan hasrat kerajaan untuk menyediakan bekalan elektrik yang mencukupi, terjamin, dan berdaya harap kepada rakyat khususnya yang berada di kawasan luar bandar.

S.A. 2018/02/06 (HQ)

Selain menerangi kawasan jalan yang gelap, lokasi pemasangan LJK8 ini juga mengkhususkan kepada kawasan strategik dan tumpuan orang ramai terutamanya di simpang-simpang utama jalan.

Selain dapat meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat setempat, ia juga diyakini boleh mencegah kegiatan jenayah dan memperkasakan aktiviti modal insan.

Majlis perasmian turut dihadiri oleh YAB Menteri Besar Johor, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd.

Dikeluarkan di Muar, Johor pada 9 Februari 2018 jam 3.00 petang

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Datuk Omar Sidek (013-341 8988) atau e-mel ke media@tnb.com.my*